



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KEPERLUAN LATIHAN
DI KALANGAN GURU BUKAN SISWAZAH (BS)
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)**

ROSLI AHMAD

FPP 1999 48

**KEPERLUAN LATIHAN
DI KALANGAN GURU BUKAN SISWAZAH (BS)
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)**

Oleh

ROSLI AHMAD


**Projek penyelidikan ini disediakan bagi memenuhi
sebahagian daripada syarat mendapatkan Ijazah Masters Sains
(Pembangunan Sumber Manusia) di Jabatan Pendidikan Pengembangan,
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia**

APRIL 1999




Kertas projek bertajuk “Keperluan Latihan Di Kalangan Guru Bukan Siswazah (BS) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)” yang disediakan oleh Rosli bin Ahmad memenuhi sebahagian daripada syarat mendapatkan Ijazah Masters Sains (Pembangunan Sumber Manusia) di Jabatan Pendidikan Pengembangan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

Disahkan oleh:



DR. SHAMSUDDIN BIN AHMAD
(Penyelia)



PROF. MADYA DR. HJH. MAIMUNAH BT. ISMAIL
(Pemeriksa)

Tarikh: 6/4/99

PENGHARGAAN

Segala pujian dan kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan keizinan dan berkat keredaanNya telah menganugerahkan saya kesabaran, kekuatan dan hidayah sehingga penyediaan kertas projek ini dapat disempurnakan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih istimewa saya tujukan kepada Dr. Shamsuddin Ahmad selaku penyelia projek ini, yang sentiasa berlapang dada memberi bimbingan, panduan dan pandangan untuk saya menjalankan penyelidikan dan menyediakan laporan ini. Tidak saya lupakan segala budi dan jasa baik para pensyarah yang telah memberi pengetahuan dan tunjukajar di Jabatan Pendidikan Pengembangan terutama sekali Prof. Madya Dr. Aminah Ahmad, Prof. Madya Dr. Mazanah Muhammad, Prof. Madya Dr. Azahari Ismail, Prof. V. Ananta Raman, Dr. Hajjah Asma Ahmad, Dr. Bahaman Abu Samah, Yang Mulia Dr. Raja Ahmad Tajudin Shah, Dr. Saodah Wok, Dr. Jegak Uli dan En. Omar Ismail.

Seterusnya saya ingin merakamkan ribuan ucapan terima kasih kepada pihak Jabatan Agama Islam (JAIS). Selangor yang telah memberi cuti belajar untuk saya mengikuti pengajian ini. Rakaman terima kasih juga kepada semua kakitangan di Jabatan Agama Islam Selangor, pengetua Sekolah Agama Menengah JAIS, guru besar Sekolah Rendah Agama JAIS



dan guru-guru JAIS yang terlibat dalam menyempurnakan penyelidikan ini. Jutaan terima kasih juga saya tujukan kepada yang amat dikasihi ayahanda dan bonda kerana doa dan restu serta keredaan keduanya yang tidak putus-putus menjadi dorongan dan inspirasi kepada perjuangan pengajian ini. Mudah-mudahan Allah sentiasa mencucuri rahmat ke atas roh ayahanda yang telah kembali menemuiNya sebelum sempat melihat anakanda berada di pentas kejayaan.

Penghargaan istimewa ditujukan khas buat isteri saya, Shahidah Hussein yang tidak jemu-jemu memberi galakan, dorongan dan kekuatan dengan penuh kasih sayang di sepanjang pengajian ini. Kepada anak-anak yang disayangi Mohamad Sidik, Mohd Amin, Said Ramadhan, Siti Hanisah, Siti Hasfiah, Abdul Hadi, Nur 'alimah, Nurul Afiah dan Mohammad Ibrahim yang sentiasa menjadi semangat dan dorongan kepada kerjaya ayahanda. Pengorbanan kalian semua tidak terbalas oleh ayahanda.

Akhirnya, diharapkan supaya kertas projek ini dapat memberikan manfaat yang sebaik mungkin kepada arena pendidikan JAIS khasnya dan umat Islam di Malaysia amnya. Semoga Allah s.w.t sentiasa memberikan rahmat, hidayah dan inayah kepada kita semua dalam menjalani kehidupan dunia yang penuh dengan segala pancaroba buat menjadi bekalan abadi di akhirat nanti.

Wassalam

Rosli Ahmad



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN.....	iii
KANDUNGAN.....	v
SENARAI JADUAL.....	ix
SENARAI RAJAH.....	xii
ABSTRAK.....	xiii
ABSTRACT.....	xvi

BAB

I	PENDAHULUAN	
	Pengenalan.....	1
	Penubuhan Sekolah Agama.....	2
	Sistem Pendidikan JAIS.....	4
	Prestasi Sekolah JAIS.....	5
	Latihan Guru BS JAIS.....	6
	Misi Pendidikan JAIS.....	7
	Kenyataan Masalah	9
	Objektif Kajian.....	10
	Objektif Am.....	10
	Objektif Khusus.....	11
	Kepentingan Kajian.....	11
	Andaian Kajian.....	12
	Limitasi Kajian.....	13
	Skop Kajian.....	13
	Definisi Operasional.....	14
II	SOROTAN LITERATUR	
	Pengenalan.....	16
	Definisi Latihan.....	16
	Kepentingan Latihan.....	19
	Model Latihan.....	20
	Model Proses Latihan.....	21
	Model Latihan sistematik.....	23
	Model Am Latihan.....	23
	Model Sistem Pengajaran.....	23
	Model Latihan Kolektif.....	27
	Model Peristiwa-peristiwa Kritis.....	27



Analisis Keperluan Latihan.....	31
Keperluan Latihan.....	31
Kepentingan Keperluan Latihan.....	32
Model Penilaian Keperluan Latihan.....	33
Kaedah Menentukan Keperluan Latihan.....	34
Dasar Latihan.....	39
Menentukan Keutamaan Latihan.....	43
Tugas-tugas Perguruan.....	45
Pengetahuan Guru.....	45
Kemahiran Mengajar.....	46
Sahsiah atau Sikap Guru.....	48
Kajian-kajian Yang Lepas.....	50
Ringkasan.....	52

III METODOLOGI

Pengenalan.....	54
Rekabentuk Penyelidikan.....	54
Populasi Dan Sampel Kajian.....	55
Angkubah-angkubah Yang Terlibat.....	56
Instrumen Kajian.....	56
Bahagian I: Latarbelakang Guru BS.....	56
Bahagian II: Tugas-tugas Perguruan.....	57
Prauji Instrumen Kajian.....	58
Pengumpulan Data.....	59
Analisis Data.....	59
Penilaian Skala.....	60
Penentuan Keutamaan Subjek Latihan.....	60
Penentuan Skor Pemberat Individu.....	65

IV HASIL KAJIAN

Pengenalan.....	68
Latarbelakang Responden.....	68
Penilaian Responden Terhadap.....	79
Keperluan Latihan	
Subjek-subjek Latihan.....	79
Skor Pemberat Individu.....	90
Perbandingan Tanggapan Antara BS SRA.....	92
Dan BS SAM Terhadap Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Ke atas Peranan Mereka Sebagai Guru	
Hal-hal Lain.....	93

V	RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
	Ringkasan.....	101
	Metodologi.....	101
	Penemuan Kajian.....	102
	Latarbelakang Responden.....	102
	Penilaian Responden Terhadap.....	104
	Keperluan Latihan	
	Ujian - t Untuk Melihat Perbezaan	108
	Bererti Tanggapan Antara BS SRA	
	Dan BS SAM Terhadap Tahap	
	Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap	
	Hal-hal Lain.....	109
	Kesimpulan.....	109
	Cadangan.....	111
	Cadangan Untuk Amalan.....	111
	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang.....	112

	RUJUKAN.....	1
--	---------------------	----------

LAMPIRAN

A	Ciri-ciri Piawaian Pendidikan Bertaraf Dunia.....	118
B	Ciri-ciri Sekolah Cemerlang.....	121
C	Soalselidik.....	124
D	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian.....	133
E	Jadual 13: Taburan Peratus Penilaian.....	135
	Responden Mengikut Subjek Latihan	
	Dari Segi Perkaitan Keperluan Latihan	
	Dengan Tugas Dan Kekurangan	
	Kemahiran Guru BS SRA	
F	Jadual 14: Taburan Peratus Penilaian.....	140
	Responden Mengikut Subjek Latihan	
	Dari Segi Perkaitan Keperluan Latihan	
	Dengan Tugas Dan Kekurangan	
	Kemahiran Guru BS SAM	

G	Jadual 15: Taburan Peratus Penilaian.....	145
	Responden Mengikut Subjek Latihan	
	Dari Segi Perkaitan Keperluan Latihan	
	Dengan Tugas Dan Kekurangan	
	Kemahiran Guru BS Secara Keseluruhan	
	Dari Sekolah SRA Dan SAM	
H	Jadual 16: Skor Purata Sisihan Piawai.....	150
	Setiap Subjek Latihan Mengikut Penilaian	
	Guru BS SRA Dan Guru BS SAM	
I	Jadual 17: Taburan Responden Mengikut.....	154
	Kategori Keutamaan Latihan SRA	
J	Jadual 18: Taburan Responden Mengikut.....	156
	Kategori Keutamaan Latihan SAM	
K	Jadual 19: Taburan Subjek Latihan.....	160
	Mengikut Kategori Keutamaan Latihan	
	Secara Keseluruhan Untuk Kedua-dua	
	Jenis Sekolah SRA Dan SAM	
L	Jadual 20: Skor Pemberat Individu.....	164
	Mengikut Penilaian Purata Guru BS	
	SRA Dan Guru BS SAM	



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Bilangan Sekolah, Kelas, Murid dan Guru Bagi Tahun 1997	4
2	Keputusan Peperiksaan Sijil Agama Dan Sijil Akademik Sekolah Agama JAIS	5
3	Taburan Responden Mengikut Kategori.....	69
4	Taburan Responden Mengikut Jantina.....	70
5	Taburan Responden Mengikut Umur.....	70
6	Taburan Respponden Mengikut..... Kelulusan Akademik	71
7	Taburan responden Mengikut..... Bidang Pengkhususan	72
8	Taburan Responden Mengikut..... Lain-lain Kelulusan	73
9	Taburan Subjek Kajian Mengikut..... Status Jawatan	74
10	Taburan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan	75
11	Taburan Responden Mengikut Tempat Bertugas Sekarang	76
12	Taburan Responden Mengikut Bidang..... Latihan Yang Pernah Diikuti	76

13	Taburan Peratus Penilaian Responden.....	136
	Mengikut Subjek Latihan Dari Segi Perkaitan Keperluan Latihan Dengan Tugas Dan Kekurangan Kemahiran Guru BS SRA (lihat lampiran E)	
14	Taburan Peratus Penilaian Responden.....	141
	Mengikut Subjek Latihan Dari Segi Perkaitan Keperluan Latihan Dengan Tugas Dan Kekurangan Kemahiran Guru BS SAM (lihat lampiran F)	
15	Taburan Peratus Penilaian Responden.....	146
	Mengikut Subjek Latihan Dari Segi Perkaitan Keperluan Latihan Dengan Tugas Dan Kekurangan Kemahiran Guru BS Secara Keseluruhan Dari SRA Dan SAM (lihat lampiran G)	
16	Skor Purata Sisihan Piawai Setiap Subjek.....	151
	Latihan Mengikut Penilaian Guru BS SRA Dan Guru BS SAM (lihat lampiran H)	
17	Taburan Responden Mengikut Kategori.....	155
	Keutamaan Latihan SRA (lihat lampiran I)	
18	Taburan Responden Mengikut Kategori.....	157
	Keutamaan Latihan SAM (lihat lampiran J)	
19	Taburan Responden Mengikut Kategori.....	161
	Keutamaan Latihan Secara Keseluruhan Untuk SRA Dan SAM (lihat lampiran K)	
20	Skor Pemberat Individu Mengikut Penilaian.....	165
	Purata BS SRA Dan BS SAM (lihat lampiran L)	

21	Taburan Kekerapan Pemberat Individu.....	91
	Mengikut Penilaian BS SRA Dan BS SAM	
22	Ujian - t Untuk Menentukan Perbezaan.....	92
	Bererti Tanggapan Antara BS SRA Dan BS SAM Terhadap Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Ke atas Peranan Mereka Sebagai Guru	
23	Taburan Responden Mengikut Lain-lain.....	93
	Bidang Latihan Yang Diperlukan	
24	Taburan Responden Mengikut Tempoh.....	95
	Latihan Yang Sanggup Diikuti	
25	Taburan Responden Mengikut.....	95
	Jarak Tempat Latihan	
26	Taburan Responden Mengikut Jenis.....	96
	Tempat Latihan Yang Digemari	
27	Taburan Responden Mengikut.....	97
	Kesanggupan Meninggalkan Keluarga Semasa Latihan	
28	Taburan Responden Mengikut.....	97
	Kenapa Tidak Sanggup Meninggalkan Keluarga Semasa Latihan	
29	Taburan Responden Mengikut	98
	Bentuk Pakej Latihan Yang Diminati	
30	Taburan Responden Mengikut.....	99
	Bentuk Pengajaran Yang Diingini Semasa Latihan	
31	Taburan Responden Mengikut	100
	Jenis Rekreasi Yang Diperlukan Semasa Latihan	
32	Ringkasan Keperluan Latihan Mengikut.....	106
	Kumpulan Subjek	

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Model Proses Latihan.....	22
2	Model Latihan Sistemik.....	24
3	Model Am Latihan.....	25
4	Model Sistem Pengajaran.....	26
5	Model Latihan Kolektif.....	28
6	Model Peristiwa-Peristiwa Kritis.....	29
7	Model Asas Latihan Sistemik.....	30
8	Interpretasi Analisis Keperluan Latihan.....	44
9	Hubungan Antara Skor A Purata Setiap Subjek Latihan Bagi Perkaitan Dengan Tugas dan Skor B Purata Setiap Subjek Latihan Bagi Kekurangan Kemahiran	63



Abstrak kertas projek yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**KEPERLUAN LATIHAN DI KALANGAN GURU BUKAN SISWAZAH
(BS) JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)**

Oleh

ROSLI AHMAD

April 1999

Penyelia: Shamsuddin Ahmad, Ed.D.

Jabatan: Pendidikan Pengembangan

Analisis keperluan latihan di kalangan guru bukan siswazah (BS) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dilaksanakan selaras dengan perancangan dan misi pendidikan masa depan JAIS. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengetahuan, kemahiran dan sikap guru BS yang diperlukan dalam menjayakan misi pendidikan JAIS. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti kecukupan kemahiran dan keperluan latihan guru BS yang mengajar di Sekolah Rendah Agama (SRA) dan Sekolah Agama Menengah (SAM). Seterusnya kajian ini dibuat untuk melihat perbezaan tanggapan antara guru BS SRA dan guru BS SAM terhadap tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap ke atas peranan mereka sebagai guru.

Kajian ini adalah berdasarkan tugas-tugas guru BS yang tertumpu kepada tugas-tugas perguruan. Responden terdiri daripada 215 guru BS SRA



dan 76 guru BS SAM. Dua komponen digunakan dalam kajian ini iaitu perkaitan keperluan latihan dengan tugas dan kemahiran atau kecekapan yang dimiliki guru BS. Keutamaan latihan dikategorikan mengikut gabungan skor purata komponen 'perkaitan dengan tugas' dan 'kekurangan kemahiran'. Darjah keperluan latihan yang tinggi ditunjukkan oleh pasangan skor 'perkaitan keperluan latihan dengan tugas' dan skor 'kekurangan kemahiran' yang tinggi.

Dari segi perkaitan subjek latihan dengan tugas, didapati 20.2% guru BS mempunyai skor pemberat pada tahap penting dan 79.2% guru BS mempunyai skor pemberat pada tahap sangat penting. Dari segi kekurangan kemahiran pula, 24.4% guru BS mempunyai skor pemberat pada tahap rendah dan 75.2% guru BS mempunyai skor pemberat pada tahap sederhana. Ini menggambarkan bahawa keseluruhan subjek latihan yang dikaji mempunyai perkaitan dengan tugas guru BS. Kebanyakan guru BS mempunyai kekurangan kemahiran yang sederhana dalam tugas-tugas perguruan dan memerlukan latihan lanjutan dalam bidang ini.

Terdapat perbezaan bererti bagi jangkakan antara guru BS SRA dan guru BS SAM terhadap keperluan latihan dari segi kekurangan kemahiran. Guru BS SRA mempunyai tanggapan yang lebih tinggi dari segi 'kekurangan kemahiran' berbanding dengan guru BS SAM. Sebaliknya tidak terdapat perbezaan bererti dalam tanggapan antara guru BS SRA dan guru BS SAM dari segi 'perkaitan subjek latihan dengan tugas'.

Kajian ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru BS yang sederhana masih belum mencukupi untuk mencapai matlamat dan misi pendidikan masa depan JAIS. Oleh itu, Bahagian Pendidikan dan Pelajaran JAIS hendaklah melaksanakan lebih banyak lagi program latihan pra dan dalam perkhidmatan yang berkaitan dengan profesion perguruan supaya tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru BS JAIS dapat diperbaiki dan ditingkatkan dengan berkesan dan cemerlang.

Sebagai rumusan, analisis keperluan latihan seharusnya dijalankan ke atas semua peringkat kakitangan sesuatu organisasi dari semasa ke semasa sebagai langkah untuk merapatkan jurang di antara prestasi sebenar dan prestasi yang diharapkan dengan merekabentuk dan menyediakan pelbagai bentuk program latihan yang sesuai untuk meningkatkan tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap pekerja yang membolehkan matlamat, misi dan visi sesuatu organisasi tercapai.

Abstract of project paper presented to Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science.

**TRAINING NEEDS AMONG NON-GRADUATE (BS) TEACHER
OF JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)**

By

ROSLI AHMAD

April 1999

Supervisor: Shamsuddin Ahmad, Ed.D.

Jabatan: Pendidikan Pengembangan

Training needs analysis among non-graduate (BS) teacher of Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) was implemented parallel to the future mission and planning of JAIS's education. The main purpose of the study was to identify knowledge, skill and attitude of BS teacher that were required to assist JAIS to achieve its educational mission. This study was also to identify the adequacy of BS teacher competency and BS teacher training needs according to school in which they were assigned such as Sekolah Rendah Agama (SRA) or Sekolah Agama Menengah (SAM). In addition, the study was also to see the perception differences between SRA's BS teacher and SAM's BS teacher towards knowledge, skill and attitude upon their role as teacher.



This study was based on the BS teacher tasks and was focused on teaching functions. Respondents of the study was made up of 215 SRA's BS teacher and 76 SAM's BS teacher. Two assessment components were used in this study, namely relevance of the BS teacher task and their competence. The training priorities were categorized by incorporating 'relevance of task' and 'lack of competence' average scores. The high degree of training needs was illustrated by the high paired-scores of 'relevancy of the task' and 'lack of competency'.

In term of relevancy of the training subject to the task, this training needs analysis showed that 20.2% of BS teacher had important score and 79.2% of BS teacher had very important score. Whereas, in term of lack of competency, 24.4% of BS had low score and 75.2% BS teacher had medium score. This implied that majority of the training subjects were relevant to the BS teacher task. It also implied that high majority of BS teacher had medium competency in teaching functions and they required additional training in the area.

This study also found that there was significant difference in the perception of 'lack of competence'. SRA's BS teacher had higher perception of 'lack of competence' compared to SAM's BS teacher. In vice versa, there was no significant difference in the perception of 'relevancy of the training subjects to task' between SRA's BS teacher and SAM's BS teacher.

This study showed that medium score of knowledge, skill, and attitude of JAIS's BS teacher was inadequate to achieve the future goal and mission of JAIS education. Therefore, Educational Division of JAIS should organise more pre and in service training programs that relating in teaching profession in order to improve and enhance knowledge, skill, and attitude of JAIS's BS teacher.

Generally, from time to time training needs analysis should be carried out among particular organizational staffs in order to lesser the discrepancy between the actual performance and the desired performance by designing and providing appropriate training programs that could improve and enhance their knowledge, skill, and attitude in line with the new organizational goal and mission.



BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah ditubuhkan pada tahun 1945, dalam masa pemerintahan D.Y. M. M. Sultan Hishamuddin Alam Shah. Matlamat asal penubuhannya ialah untuk memperbaiki akhlak dan kepercayaan orang Melayu yang merosot semasa zaman pemerintahan Jepun dan keduanya, adalah untuk menghindarkan orang Melayu daripada terpengaruh dengan diayah komunis (Bahagian Dakwah JAIS, 1996). Di antara objektif JAIS adalah dinyatakan seperti di bawah (Pusat Informasi JAIS, 1998);

1. **Melahirkan umat Islam yang beriman dan bertaqwa.**
2. **Melahirkan masyarakat Islam yang berilmu.**
3. **Membangun dan memajukan ekonomi umat Islam secara adil.**
4. **Memelihara kesucian dan kebajikan agama Islam.**
5. **Meningkatkan ajaran Islam melalui perkhidmatan yang cekap dan berkesan.**

Sejak penubuhannya JAIS terus berkembang dan membangun seiring dengan perubahan kemajuan sosio-ekonomi masyarakat dan cabaran yang semakin meningkat. Kini JAIS mempunyai lapan bahagian iaitu Bahagian Kewangan dan Pembangunan; Bahagian Pendidikan dan Pelajaran; Bahagian Dakwah; Bahagian Pentadbiran Undang-undang Syarak; Bahagian Baitulmal dan Zakat; Bahagian Penyelidikan; Bahagian Pendakwaan dan Penguatkuasaan dan Masjid Negeri (Bahagian Kewangan dan Pembangunan JAIS, 1998). Perkembangan JAIS ini adalah bersesuaian dan selari dengan kemajuan dan pembangunan pesat yang sedang berlaku di negeri Selangor. Penghijrahan yang tinggi kerana tarikan peluang pekerjaan yang meluas dan menggalakkan di sektor perindustrian di negeri ini telah membawa bersama penambahan bilangan penduduk beragama Islam disamping peningkatan gejala sosial akibat daripada kejutan budaya yang diterima oleh sebahagian masyarakat Islam seperti penganiayaan kanak-kanak, penagihan dadah, budaya lepak, perzinaan, pembuangan bayi, pengabaian keluarga, pelajar tercicir, lari dari rumah, pengabaian agama dan sebagainya.

Penubuhan Sekolah Agama

Untuk memastikan bahawa pembangunan insan yang seimbang dicapai dari aspek pembangunan duniawi (kebendaan) dan ukhrawi (rohani) JAIS telah membangunkan dan mengembangkan sistem pendidikan Islam yang merupakan aktiviti utama JAIS dengan mendirikan beberapa buah

Sekolah Rendah Agama (SRA) dan Sekolah Agama Menengah (SAM) di kebanyakan daerah negeri Selangor.

Penubuhan sekolah-sekolah agama JAIS bermula pada 1947 iaitu dengan terbinanya Sekolah Agama Menengah Kancong Darat di Banting. Ini diikuti oleh Sekolah Agama Menengah Sg. Bertik di Klang pada 1949 dan seterusnya sekolah agama menengah yang lain. Sekolah Rendah Agama pula mula dibina pada awal tahun 1950 (Sianid Mokim, 1998). Di antara matlamat pendidikan JAIS ialah untuk memberikan pendidikan asas agama kepada semua kanak-kanak Islam di negeri Selangor bagi melahirkan pelajar yang sepenuhnya berilmu dan berakhlak mulia, kukuh dalam nilai-nilai Islam bagi mencapai Muslim Muttaqqi serta mendapat keredaan Allah (Bahagian Pendidikan dan Pelajaran JAIS, 1998).

Bahagian Pendidikan dan Pelajaran JAIS telah menggariskan beberapa strategi untuk memastikan tercapainya matlamat pendidikan JAIS seperti berikut (Jaafar Komari, 1998):

- (a) Meningkatkan mutu pendidikan melalui kegiatan Kurikulum dan ko-kurikulum secara bersepadu.
- (b) Melaksanakan program Tahfiz Al-Quran secara meluas.
- (c) Mengurus hal ehwal pentadbiran, pembangunan dan kewangan.

- (d) Menguruskan program perkhidmatan dan latihan profesional (ikhtisas) kepada guru-guru dan kakitangan.
- (e) Menguruskan hal ehwal pelajar agar pendidikan yang sempurna dapat dilaksanakan dan dicapai.
- (f) Menguruskan hal ehwal peperiksaan dan penilaian.
- (g) Menguruskan hal ehwal pendaftaran sekolah agama swasta.

Sistem Pendidikan JAIS

Pada masa kini terdapat beberapa jenis sistem persekolahan agama JAIS seperti Taman Asuhan Kanak-Kanak Islam (TAKIS), Sekolah Rendah Agama (SRA) dan Sekolah Agama Menengah (SAM) (Mohd Ali Hassan, 1998).

Jadual 1 menunjukkan perangkaan bilangan sekolah, kelas, murid dan guru JAIS pada tahun 1997:

Jadual 1
Bilangan Sekolah, Kelas, Murid Dan Guru Bagi Tahun 1997

Bil.	Jenis sekolah	Bilangan sekolah	Bilangan murid	Bilangan kelas	Bilangan guru	
					Siswazah	Bukan siswazah
1.	TAKIS	9	1424	48		52
2.	SRA	186	109617	3133		893
3.	SAM	22	12209	344	150	308
JUMLAH		217	123250	3525		1403

Sumber: Unit Pendaftaran Bahagian Pendidikan dan Pelajaran JAIS, 1998.

Prestasi Sekolah JAIS

Prestasi keputusan peperiksaan bagi semua jenis sekolah agama JAIS untuk tahun 1994 hingga 1997 digambarkan oleh Jadual 2;

Jadual 2
Keputusan Peperiksaan Sijil Agama Dan Sijil Akademik Sekolah Agama JAIS

Bil.	Jenis peperiksaan	Peratus kelulusan			
		1994	1995	1996	1997
1.	Sijil Penilaian Rendah Agama (SPRA)	62.26	61.71	66.26	66.67
2.	Sijil Menengah Agama (SMA)	27.28	42.46	51.27	55.69
3.	Sijil Tinggi Agama (STA)	42.47	58.05	71.15	71.55
4.	Diploma Tahfiz Quran (DTQ)	-	100	100	100
5.	Penilaian Menengah Rendah (PMR)	98.94	99.64	99.59	72.24
6.	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	75.25	76.69	84.21	85.15
7.	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)	91.94	96.80	97.80	98.55

Sumber: Unit Peperiksaan Bahagian Pendidikan dan Pelajaran JAIS, 1998.

Kebanyakan guru-guru yang berkhidmat di seluruh sekolah agama JAIS adalah terdiri dari kalangan guru bukan siswazah (selepas ini perkataan guru bukan siswazah disebut sebagai guru BS sahaja) dan sebilangan besar pula tidak terlatih. Disamping itu terdapat sebahagian besar guru-guru yang berkhidmat di sekolah-sekolah agama JAIS dilantik ke jawatan guru secara

kontrak atau sementara sahaja kerana mereka tidak memiliki Sijil Perguruan atau Diploma Pendidikan yang menjadi prasyarat utama untuk dilantik ke jawatan tetap dan berpencen dalam profesion perguruan. Kekurangan guru BS terlatih mengakibatkan kemampuan dan kecekapan mereka dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab tugas-tugas perguruan terbatas di mana boleh menghasilkan prestasi kerja yang kurang memuaskan. Oleh itu, fenomena ini telah menjejaskan prestasi keputusan peperiksaan sijil agama dan peperiksaan sijil akademik yang secara keseluruhannya masih belum mencapai tahap yang cemerlang. Didapati bahawa keputusan peperiksaan sijil agama agak merosot berbanding dengan keputusan peperiksaan awam sijil akademik.

Latihan Guru BS JAIS

Secara amnya guru BS JAIS kurang menerima latihan samada dari dalam jabatan atau lain-lain organisasi. Latihan yang biasa diikuti oleh guru BS ialah kursus hujung minggu atau Kursus Asas Perguruan Pendidikan dalam cuti (dilaksanakan selama dua tahun semasa cuti persekolahan) yang bertaraf sijil. Dua bentuk latihan pernah diberikan kepada guru BS samada menghantar guru BS mengikuti kursus di luar JAIS atau melalui kursus yang dilaksanakan dalam jabatan. Pada tahun 1992 hingga 1994, seramai 350 orang guru BS mengikuti Kursus Asas Perguruan Pendidikan dalam cuti untuk pengambilan